

08 OGOS 2017

Hukuman mati dikaji semula

UTUSAN MALAYSIA • SELASA 8 OGOS 2017

Berhubung kesalahan Akta Dadah Berbahaya 1952

Hukuman mati dikaji semula

Oleh **HUSSAINI AMRAN**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 7 OGOS

KABINET memutuskan supaya Akta Dadah Berbahaya 1952 dikaji semula khususnya bagi sabitan kesalahan melibatkan hukuman mati mandatori.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, langkah itu bertujuan memberi ruang budi bicara kepada hakim dalam menjatuhkan hukuman.

Menurut beliau, hakim seterusnya boleh menetapkan hukuman yang bersesuaian ke atas kes-kes di mana pesalah sebenarnya lebih wajar hanya dihukum penjara.



Justeru, mesyuarat Kabinet pada 1 Mac lalu bersetuju dan memutuskan bahawa pindaan dibuat kepada Seksyen 39B akta tersebut."

AZALINA OTHMAN SAID
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

"Tetapi mungkin peruntukan yang sedia ada menyebabkan hakim tiada pilihan selain menjatuhkan hukuman mati.

"Justeru, mesyuarat Kabinet pada 1 Mac lalu bersetuju dan memutuskan bahawa pindaan dibuat kepada Seksyen 39B akta tersebut," katanya dalam jawapan

bertulis yang diedarkan di bangunan Parlimen baru-baru ini.

Beliau menjawab soalan **P. Kasthuriraani (DAP-Batu Kawan)** yang meminta Perdana Menteri menyatakan tentang pindaan kepada Seksyen 39B akta tersebut yang memberikan kuasa kepada mahkamah untuk

menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman gantung mandatori.

Azalina menambah, kementerian serta agensi yang berkaitan seterusnya akan menyediakan Memorandum Kabinet yang baharu bersama-sama dengan cadangan pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk pertimbangan dan kelulusan Kabinet.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memberitahu, sebanyak 651 banduan yang juga rakyat tempatan telah dijatuhi hukuman gantung sampai mati di negara ini sejak 1992.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 398 orang disabitkan hukuman mati mandatori di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," jelasnya.